

15 MAY 2000

Razak-Sejarah

KEDAH EKSPLOITASI TEMPAT SEJARAH TARIK PELANCONG

ALOR SETAR, 15 Mei (Bernama) -- Kedah akan mengeksplotasikan tempat-tempat bersejarah yang banyak terdapat di negeri ini bagi menarik lebih ramai pelancong asing, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini.

Beliau berkata bahagian tanah besar negeri ini mempunyai banyak tempat bersejarah yang belum lagi dieksplotasikan manakala bagi tempat sejarah yang popular kemudahannya tidak dipertingkatkan.

"Pelancong sering tertumpu ke Pulau Langkawi daripada bahagian tanah besar Kedah sendiri kerana tempat-tempat bersejarahnya tidak dieksplotasikan," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis pecah tanah bangunan Arkib Negara di Alor Merah, di sini.

Beliau berkata, kerajaan negeri bersetuju untuk menubuhkan Majlis Pelancongan Negeri Kedah dengan dipengerusikan oleh beliau sendiri bagi pembangunan pelancongan di seluruh negeri ini.

Tempat bersejarah seperti Balai Besar dan Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad di sini kini dalam proses pemuliharaan dengan kos melebihi RM5 juta, supaya ia lebih menarik dan kemudahannya ditingkatkan, kata Syed Razak.

Kerajaan negeri turut merancang untuk membina Memorial Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia pertama yang berasal dari Kedah di sebuah bangunan antik di Alor Setar.

Katanya dengan siapnya rancangan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Kepala Batas, beberapa buah negara Eropah dijangka mengadakan penerbangan terus ke sini.

"Dengan itu, kita akan adakan pakej pelancongan kepada mereka untuk melawat sekitar kawasan tanah besar selama beberapa hari sebelum dibawa ke Langkawi dengan feri," katanya lagi.

Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah yang bakal membuka pejabat di Kuala Lumpur akan memberi tumpuan terhadap pelancongan, perindustrian dan pertanian sebagai promosinya.

Bangunan Arkib Negara yang dicadangkan dibina di sini merupakan cawangan pertama negeri melibatkan kos pembangunan RM14.3 juta.

-- BERNAMA

MN NMO